

Perluas pendekatan dakwah melalui pelbagai aktiviti

BERITA HARIAN
22/11/2017 P-69

Pemikiran masyarakat moden hari ini masih berlegar kepada dakwah yang hanya difokuskan di surau dan masjid melalui ceramah agama atau kuliah pengajian semata-mata. Hakikatnya, konsep dakwah juga boleh di inovasi dalam pelbagai bentuk dengan tujuan dan matlamat yang serupa iaitu mengajak umat Islam kepada kebaikan serta mencegah daripada kemungkaran. Dalam kesibukan manusia mencari rezeki untuk menyara kehidupan keluarga, peranan dakwah dalam skop yang luas tidak harus diketepikan dalam kalangan umat Islam bagi melunaskan tanggungjawab amar maaruf nahi mungkar yang diamanahkan.

Mutakhir ini, banyak pendekatan dakwah yang cuba dilaksanakan secara meluas di negara ini. Antara pendekatan dakwah yang menarik minat penulis untuk dikongsikan adalah dakwah melalui program kayuhan berbasikal.

Baru-baru ini, penulis menyertai

program Sahabat Ride 2017 anjuran Sahabat Masjid Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Pusat Islam UPM. Aktiviti ini memupuk gaya hidup sihat dan menyebarkan dakwah kepada komuniti melalui pengedaran risalah berunsur dakwah serta nasihat dan iklan kepada aktiviti mengimarahkan masjid yang dijalankan.

Program kayuhan berbasikal ini, suatu inovasi dakwah yang seharusnya diperkasakan penganjurannya bagi menggalakkan masyarakat supaya membuka minda lebih menyeluruh agar konsep dakwah diperluaskan kepada pelbagai peringkat lebih besar.

Inisiatif ini mendapat sokongan semakin padu daripada masyarakat setempat kerana di samping, berdakwah melalui risalah yang diedarkan kepada masyarakat sekitar, program kayuhan berbasikal ini adalah medium untuk merapatkan ukhuwah antara sukarelawan terbabit. Agenda utama program ini, mengajak masyarakat



Konsep dakwah bukan hanya berlegar dalam satu dimensi sahaja, sebaliknya bersifat dinamik dan inovatif juga menjadi tarikan sebilangan masyarakat terutamanya belia yang meminati aktiviti sukan seumpama ini”

mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat berjemaah, pada masa sama program ilmiah turut disediakan.

Dekati masyarakat

Masjid dan surau seharusnya berperanan mendekati masyarakat yang masih tidak ramai lagi ingin membuka mata terhadap konsep dakwah yang ditinggalkan oleh junjungan mulia Nabi Muhammad SAW.

Konsep dakwah bukan hanya berlegar dalam satu dimensi sahaja, sebaliknya bersifat dinamik dan inovatif juga menjadi tarikan sebilangan masyarakat terutamanya belia yang meminati aktiviti sukan seumpama ini. Malah, aktiviti seumpama ini mampu membentuk generasi sihat dan cerdas akal. Selain itu, masyarakat setempat turut mengambil manfaat daripada risalah yang diedarkan sebagai bahan bacaan pada masa lapang dan dapat disebarluaskan kepada ahli keluarga.

Penulis berpendangan, inovasi dakwah yang boleh dicadangkan bagi mendekati komuniti perlu di-pergiatkan secara berkala. Pihak masjid dan surau serta agensi kerajaan harus meneliti peranan dakwah yang perlu dimainkan pada semua peringkat golongan bersesuaian dengan pendekatan dakwah dilakukan oleh Rasulullah SAW. Ia boleh dilakukan secara berperingkat dan memilih tempat strategik bagi merealisasikan misi dakwah yang ingin dicapai.

Semua harus memberikan sokongan padu kepada pihak yang ingin membantu menjalankan usaha dakwah bersepadu bagi melahirkan umat Islam yang bersatu padu sebagai asas cerminan kepada pembangunan agama Islam itu sendiri.

 **Muinnudin Mohd Kamal,**
Naib Pengurus,
Sahabat Masjid
Universiti Putra Malaysia